Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

KPM pandang serius ancaman keselamatan di beberapa sekolah

November 22, 2023 @ 5:30pm



Seorang anggota polis melakukan pemeriksaan ke atas sebuah sekolah di daerah Timur Laut Pulau Pinang yang menerima ugutan ancaman bom. - Foto ihsan polis

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan (KPM) memandang serius ancaman keselamatan di beberapa sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat seperti dilaporkan media.

Kementerian itu menerusi kenyataan memaklumkan, pihaknya sentiasa mengutamakan keselamatan guru, murid dan seluruh warga institusi pendidikan di bawah kelolaannya dan bekerjasama erat dengan polis untuk tujuan berkenaan.

Semua institusi pendidikan di bawah KPM juga diminta mematuhi prosedur keselamatan yang ditetapkan.

"Sebarang ancaman keselamatan perlu dilaporkan segera kepada polis dan KPM. Institusi pendidikan juga perlu mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa," menurut kenyataan itu.

KPM komited memastikan kesejahteraan, keselamatan dan kebajikan guru, murid dan seluruh warga institusi pendidikan di bawah kelolaannya terpelihara.



Polis membuat pengungsian (evacuation) di sebuah sekolah swasta di Johor semalam berikutan menerima e-mel ancaman bom. - Foto polis

Semalam, Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain berkata **polis menerima 19 laporan** mengenai ancaman bom palsu yang dihantar melalui e-mel ke beberapa sekolah swasta dan kerajaan iaitu tujuh di Selangor, Kuala Lumpur (lima), Johor (tiga), Pulau Pinang (dua) dan masing-masing satu di Perak dan Negeri Sembilan.

Hari ini, dua laporan polis diterima membabitkan sebuah sekolah antarabangsa di Kajang, Selangor dan Batu Ferringhi, Pulau Pinang. - BERNAMA